



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
6 Februari 2026



Mengapa dompet masih terasa 'kempis' di sebalik angka trilion, ekonomi gah

• Keluhan paling nyaring hari ini datangnya daripada golongan M40 atau apa yang kini disifatkan sesetengah penyelidik sebagai 'B70 baharu'. Golongan ini tersepit di tengah-tengah

• 2026 seharusnya menjadi tahun jurang ini dirapatkan. Penguatkuasaan pencatutan harga perlu lebih agresif, bukan bermusim. Reformasi gaji sektor swasta melalui Dasar Gaji Progresif perlu dipercepat dan bukan bersifat sukarela



Pengarang
Ekonomi BH

Olieh Kamarulzaidi Kamis
kamarulzaidi@nstp.com.my

Kita kini berada di suku pertama 2026, tempoh disifatkan penganalisis sebagai fasa 'pemulihan matang' pascapandemik. Jika kita hanya melihat kepada papan muka ekonomi negara di Putrajaya, Malaysia sedang berada dalam prestasi amat memberangsangkan.

Statistik rasmi melukiskan kemakmuran sukar disangkal. Jumlah perdagangan negara bagi 2025 memecah rekod sejarah, melepasi angka psikologi RM3 trilion, dengan eksport sahaja

mencecah RM1.61 trilion.

Pelaburan diluluskan melonjak kepada RM285.2 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lalu, satu isyarat jelas pelabur asing masih 'ghairah' dengan potensi Malaysia. Malah, ekonomi kita berkembang pada kadar 5.7 peratus pada suku akhir 2025, mengatasi unjuran banyak pihak.

Namun, turun padang, masuk ke kedai kopi atau jenjang ke ruang komen media sosial, naratifnya berbeza 180 darjah. Keluhan rakyat bukan mengenai angka trilion, tetapi harga sepinggan nasi campur kini baki akaun simpanan tidak bergerak, walaupun sudah bertahun bekerja.

Wujud satu *economic disconnect* besar dalam ekonomi Malaysia hari ini: Jurang persepsi antara statistik makro gah dengan realiti mikro perit. Permasalahannya, mengapa angka cantik di atas kertas tidak diterjemahkan kepada rasa 'kaya' dalam poket rakyat?

Punca utama ketidakpuasan hati ini berakar umbi pada salah faham antara kadar inflasi rasmi dengan kos sara hidup sebenar. Secara teknikal, kadar inflasi Malaysia sangat terkawal. Pada Disember 2025, Indeks Harga Pengguna (IHP) hanya mencatatkan kenaikan 1.6 peratus. Di atas kertas, ini adalah kejayaan besar dasar monetari negara.

Namun, bagi rakyat biasa, angka 1.6 peratus ini terasa seperti satu jenaka. Mengapa? Kerana 'inflasi statistik' tidak sama dengan 'inflasi perit'. Bank Negara Malaysia (BNM) sendiri mengakui wujudnya fenomena 'bias frekuensi' dan 'bias memori'. Rakyat menilai inflasi berdasar barangan mereka beli setiap hari: makanan basah, beras dan makan di luar.

Data menunjukkan perbelanjaan isi rumah untuk 'makan di luar' kini mencakupi 17 peratus daripada

keseluruhan bajet keluarga, mengatasi perbelanjaan bahan mentah untuk memasuki di rumah.

Apabila harga makanan di kedai makan naik, didorong kos buruh, sewa dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) meluas, rakyat merasainya setiap hari. Walaupun harga televisyen atau pakaian mungkin turun (yang merendahkan purata IHP), tiada siapa membeli televisyen setiap hari. Namun, semua orang perlu makan setiap hari. Inilah sebabnya Indeks Harga Persepsi (PePI) rakyat jauh lebih tinggi daripada IHP rasmi kerajaan.

Beza pendapatan sektor awam, swasta

Satu lagi faktor melebarkan jurang rasa hati ini adalah perbezaan trajektori pendapatan antara sektor awam dengan swasta pada tahun ini.

Kita harus memuji langkah kerajaan melaksanakan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 2 bermula Januari lalu, memberikan kenaikan gaji sehingga 15 peratus kepada penjawat awam. Ini adalah langkah perlu untuk melindungi kuasa beli 1.7 juta pekerja sektor awam.

Namun, bagaimana pula dengan pekerja sektor swasta? Realitinya jauh lebih suram. Data pertengahan 2025 menunjukkan median upah pekerja formal sektor swasta hanya tumbuh sekitar 4.3 peratus kepada RM2,864.

Dalam erti kata lain, kenaikan gaji sektor swasta hampir tidak cukup untuk menampung kenaikan kos sara hidup sebenar, apatah lagi untuk membina simpanan masa depan.

Ketidakseimbangan ini mewujudkan rasa terpinggir dalam kalangan pekerja swasta. Mereka berdepan harga barang sama, kadar tol sama dan yuran sekolah anak sama, tetapi tanpa jaringan keselamatan kenaikan gaji automatik atau pencen seperti penjawat awam.

Jika sektor korporat tidak menyahut seruan Perdana Menteri untuk menaikkan gaji setara dengan produktiviti, kita berisiko melahirkan masyarakat 'dua darjat' ekonomi.

Keluhan paling nyaring hari ini datangnya daripada golongan M40 atau apa yang kini disifatkan sesetengah penyelidik sebagai 'B70 baharu'. Golongan ini tersepit di tengah-tengah. Mereka terlalu 'kaya' untuk menerima bantuan tunai penuh seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau Sumbangan Asas Rahmah (SARA), tetapi terlalu 'miskin' untuk menyerap kejutan kos tanpa menjelaskan kualiti hidup.

Analisis menunjukkan ramai M40 bandar sebe-

narnya mempunyai baki pendapatan boleh guna negatif selepas ditolak komitmen hutang perumahan, kenderaan dan pendidikan. Dengan nisbah harga rumah berbanding pendapatan mencecah 4.7 hingga 5.5 kali ganda (kategori sangat tidak mampu milik), impian memiliki rumah bagi generasi muda M40 semakin pudar, digantikan beban sewa tinggi.

Belanjawan 2026 dan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) sedang kita lalui ini membawa tema Ekonomi MADANI dan pemerkasaan rakyat. Niatnya murni dan strateginya, di atas kertas, adalah tepat, iaitu menaikkan lantai (gaji minimum dan bantuan sosial) dan menaikkan siling (pelaburan bernilai tinggi).

Namun, statistik pelaburan asing berbilion-bilion ringgit tidak akan bermakna kepada seorang graduan muda jika ia hanya mencipta peluang pekerjaan dalam sektor 'gig' dengan gaji rendah, bukannya jawatan jurutera atau eksekutif berkemahiran tinggi. Kesan limpahan (trickle-down effect) daripada ekonomi makro ke poket mikro nampaknya tersumbat di tengah jalan.

Apa dimahukan bukan lagi sekadar pengumuman Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNG) tinggi. Rakyat mahukan 'KDNG Peribadi' mereka meningkat. Mereka mahu melihat kuasa beli seringgit mereka tidak susut dengan begitu pantas. Mereka mahu melihat peluang pekerjaan membayar gaji bermutu, bukan sekadar gaji minimum.

Dalam merangka naratif kejayaan ekonomi, kerajaan dan pembuat dasar tidak boleh terlalu asyik dengan petunjuk prestasi utama (KPI) makroekonomi sehingga terlupa 'petunjuk prestasi perit' rakyat.

Tahun 2026 seharusnya menjadi tahun jurang ini dirapatkan. Penguatkuasaan terhadap pencatutan harga perlu lebih agresif, bukan bermusim. Reformasi gaji sektor swasta menerusi Dasar Gaji Progresif perlu dipercepatkan dan bukan sekadar bersifat sukarela.

Paling penting, jaringan keselamatan sosial untuk golongan pertengahan hampir miskin perlu diperkuatkan sebelum mereka benar-benar jatuh ke kancah kemiskinan.

Rakyat umumnya rasional. Mereka faham ekonomi global sedang mencabar. Namun, apabila mereka melihat negara mencatatkan rekod perdagangan trilion ringgit, adalah wajar untuk mereka bertanya: "Di mana bahagian saya?" Menjawab soalan ini dengan jujur dan berkesan adalah cabaran terbesar kerajaan pada tahun ini.

Kemalangan perjalanan, industri rekod 71,405 kes

PERKESO akan laksana 5 strategi perkukuh usaha tingkat keselamatan

Oleh **Muhamad Lokman Khairi**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kes kemalangan industri dan perjalanan di negara ini merekodkan peningkatan 7.3 peratus tahun lalu, iaitu 71,405 kes berbanding 66,574 kes pada 2024.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, berkata statistik menunjukkan kemalangan perjalanan melonjak 13 peratus, manakala kemalangan industri pada tahap 1.4 peratus.

Keadaan itu, katanya, menuntut kerajaan melaksanakan aktiviti pencegahan lebih tersusun dan berkesan.

Beliau berkata, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan melaksanakan lima strategi utama sebagai asas memperkukuh usaha pencegahan kemalangan merangkumi pencegahan berfokus, LINDUNG 24 jam, kerjasama berkesan, penggunaan data sahih dan tepat serta promosi media yang inovatif.

"Berdasarkan pelaksanaan Ops Cegah 2025, sejumlah 83 peratus daripada 7,833 majikan merekodkan penyusutan kes kemalangan di tempat kerja.

"Secara keseluruhan, jumlah kes kemalangan dalam kalangan majikan yang terabit pada Ops Cegah 2025 turun 33.6 peratus bagi kemalangan industri dan 16.7 peratus bagi kemalangan perjalanan.

"Ini membuktikan pendekatan intervensi pencegahan yang dilaksanakan secara sistematik dan berfokus

memberikan impak yang nyata," katanya pada Majlis Perasmian Konvensyen Pencegahan PERKESO dan Pelancaran Ops Cegah 2026 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz.

Khairul Firdaus berkata, PERKESO menyasarkan penyertaan lebih 10,000 majikan dalam Ops Cegah 2026, iaitu peningkatan 27.7 peratus berbanding tahun lalu.

"Pelaksanaan Ops Cegah akan diteruskan dengan beberapa penambahbaikan strategikal.

"Ini termasuk pemilihan majikan secara lebih komprehensif, penguatkuasaan berfokus terhadap kemalangan industri dan advokasi keselamatan jalan raya bagi pencegahan kemalangan perjalanan," katanya.

869,913 mencarum

Sementara itu, bercakap di Dewan Rakyat, Khairul Firdaus memaklumkan seramai 869,913 individu yang bekerja sendiri berdaftar dan mencarum secara aktif melalui Skim Lindung Kendiri dilaksanakan PERKESO sehingga 31 Disember lalu.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 299,674 adalah pekerja sektor gig termasuk e-panggilan.

"Angka keseluruhan itu mencerminkan peningkatan kesedaran dalam kalangan pekerja sendiri terhadap kepentingan perlindungan sosial, terutamanya dalam landskap pekerjaan yang semakin dinamik dan berubah," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Sh Mohamed Puzi Sh Ali (BN-Pekan) pada sesi soal jawab.

Sh Mohamed Puzi bertanya mengenai kaedah yang digunakan bagi menilai impak jangka panjang skim perlindungan sosial dalam sektor gig.



Khairul Firdaus (dua dari kanan) dan Mohammed Azman bersama penerima Geran Bantuan Kewangan PERKESO selepas merasmikan Konvensyen Pencegahan PERKESO dan pelancaran Ops Cegah 2026 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Fathil Asri/BH)

Akhbar	Kosmo!
Tarikh	6 Februari 2026
Ruang	Negara!
Muka Surat	7

Perlindungan sosial pekerja gig, separuh masa diperluas

KUALA LUMPUR – Skop perlindungan sosial bagi semua kategori pekerja termasuk pekerja gig, kontrak dan separuh masa, yang sebelum ini terpinggir terus diperkukuh melalui penggubalan Akta Pekerja Gig 2025 [Akta 872].

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan berkata, akta itu merupakan satu langkah penting yang menyediakan rangka kerja perundangan bagi melindungi pekerja gig.

“Akta ini menetapkan hak dan perlindungan minimum kepada pekerja gig, khususnya dari segi upah, keselamatan pekerjaan serta akses kepada mekanisma aduan.

“Selaras dengan akta ini, Majlis Perundingan Gig akan ditubuhkan sebagai platform tipartit yang melibatkan wakil kerajaan, wakil pekerja gig dan wakil entiti kontrak,” katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Datuk Seri Mohamed Puzi Sh Ali (**BN-Pekan**) mengenai inisiatif terbaharu dalam memperluaskan skop perlindungan sosial kepada pekerja termasuk golongan pekerja gig, kontrak dan separuh masa yang masih terpinggir.

Khairul Firdaus berkata, kerajaan juga telah memperluas liputan perlindungan sosial melalui pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4].

“Pada 18 Disember 2025,



Rang Undang-Undang (RUU) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2025 telah diluluskan di Dewan Negara.

“Pindaan ini memperkenalkan Skim Lindung 24 Jam, yang menyediakan perlindungan menyeluruh kepada pekerja yang layak sepanjang tempoh penggajian, termasuk bagi kemalangan yang berlaku di luar waktu kerja dan tidak berkait secara langsung dengan pekerjaan,” katanya.

Jelasnya, skim ini menawarkan pelbagai manfaat, antaranya Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Hilang Upaya Kekal, Elaun Layanan Sentiasa, Faedah Orang Tanggungan, Faedah Pengurusan Mayat, serta Faedah Pemulihan atau Pendi-dikan.

“Selain itu, kerajaan telah menambah baik Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] melalui kenaikan elaun pencari kerja dan latihan kema-hiran,” jelasnya.

'Rise in industrial accidents prompt new preventive strategies'

By QISTINA SALLEHUDDIN
qistina.atikah@thestar.com.my

PETALING JAYA: An increase in industrial and commuting accident cases were recorded last year, underscoring the need for stronger preventive measures.

Deputy Human Resources Minister Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan, who said this, added that an assessment showed that cases rose by 7.3%, from 66,574 in 2024 to 71,405 in 2025.

"Upon closer examination, industrial accidents increased by 1.4%, while commuting accidents were up by 13%.

"This underscores the need to plan and implement more structured and effective preventive activities," he said yesterday during the handover of RM3.9mil in grants to 37 NGOs and institutions for the implementation of occupational safety and health programmes.



Safety first: Khairul Firdaus (second row, centre) at the handover ceremony of grants for the implementation of occupational safety and health programmes. — AZLINA ABDULLAH/The Star

Despite the nationwide increase, Khairul Firdaus said 83% of employers under Op Cegah 2025 recorded a reduction in industrial and commuting accident cases compared with the previous year.

He said a total of 7,833 employers participated in the programme, with accident cases among participating employers declining by 33.6% for industrial and 16.7% for commuting accidents respectively.

"Such success demonstrates that the programme has delivered a clear and tangible positive impact in efforts to reduce both industrial and commuting accidents," he said.

Khairul Firdaus said Op Cegah, now in its fifth year, will adopt a new strategic approach, such as a more comprehensive selection of employers, targeted enforcement focusing on industrial accidents and road safety advocacy aimed at preventing commuting accidents.

He said through PERKESO, five key strategies have been outlined for the programme, including a targeted preventive approach, the Lindung 24/7 scheme, effective collaboration, use of valid and accurate data, and innovative media promotion.

The deputy minister also said PERKESO is targeting the participation of more than 10,000 employers this year, representing

an increase of 27.7%.

"They will also work with the police, Occupational Safety and Health Department, Road Transport Department, the Malaysian Institute of Road Safety Research and National Institute of Occupational Safety and Health," he added.

PERKESO board chairman Datuk Seri Subahan Kamal said responsibility for workplace safety does not rest solely with workers but also with bosses.

He said employers should ensure a safe working environment through the provision of safety training, appropriate personal protective equipment and compliance with established regulations.

"In line with this, PERKESO remains committed to working with all parties to reduce accident risks, including third-party accidents during commuting," he said.